

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT EJEN PEMILIKAN SEMULA (EPS)
AKTA SEWA BELI 1967

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk membantu individu yang berminat untuk memohon Permit Ejen Pemilikan Semula mengikut Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) (Pindaan)2011.

2. SYARAT KELAYAKAN

Mana-mana orang yang ingin memohon permit untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli hendaklah memenuhi keperluan yang berikut:

- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun
- (b) seorang warganegara Malaysia:dan
- (c) apa-apa keperluan lain yang boleh ditentukan oleh Pengawal

(seperti di dalam Peraturan 4.(1))

3. KAEDAH

PERMOHONAN

Baru

- (i) Pemohon hendaklah mengisi borang ASB 1 yang boleh didapati di kaunter Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran atau muat turun di laman sesawang KPDNHEP di alamat www.kpdnhep.gov.my.
- (ii) Pemohon hendaklah **megepos atau menghantar sendiri** borang yang sudah lengkap diisi ke :

**Kaunter Khidmat Pelanggan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
Aras 4, Podium 1, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan 62623 Putrajaya**

ATAU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna di setiap Negeri (alamat lengkap boleh didapati di www.kpdnhep.gov.my)

***nota:**

Pemohon digalakkan menghantar permohonan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna (negeri) yang berhampiran dengan tempat tinggal bagi memudahkan urusan serahan kad permit EPS apabila telah siap dan urusan pembaharuan kelak.

- (iii) Dokumen-dokumen sokongan yang **wajib** disertakan bersama borang ASB-1 adalah seperti berikut :
 - (a) Borang ASB 1
 - Dua(2) salinan, jika permohonan dibuat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, (KPDNHEP Negeri)
 - Satu(1) salinan borang ASB1, jika permohonan dibuat di Ibu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna Putrajaya
 - (b) Satu(1) salinan kad pengenalan pemohon
 - (c) Dua (2) keping gambar berukuran pasport

Pembaharuan

- (i) Permohonan bagi pembaharuan Permit EPS hendaklah dikemukakan **enam (6) bulan sebelum** tarikh tamat sah laku permit.
- (ii) Permohonan ini hendaklah dikemukakan ke tempat asal di mana permohonan baru dikemukakan. Tempat asal permohonan baru dibuat boleh dikenalpasti melalui nombor permit yang tertera di kad permit EPS pemohon.
- (iii) Pemohonan dikehendaki melengkapkan borang ASB 1 dan dokumen-dokumen sokongan seperti di para 3(iii) dan maklumat tambahan iaitu surat sokongan dari institusi kewangan/syarikat di mana ejen bekerja.

Salinan

- (i) Permohonan permit pengganti hendaklah disertakan bersama laporan polis yang menyatakan permit EPS telah hilang
- (ii) Pemohonan dikehendaki melengkapkan borang ASB 1 dan dokumen-dokumen sokongan seperti di para 3(iii)

4. **FI PERMIT**

BIL	JENIS PERMOHONAN	FI SETAHUN
1.	Permohonan Permit Baru	RM 10.00
2.	Permohonan Permit Pembaharuan	
3.	Permohonan Salinan Permit	RM 20.00

Nota : Kadar fi permit adalah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Sewa-Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) 2011 Bahagian IV Jadual Fi (Peraturan 9).

5. **BAYARAN PERMIT**

Pembayaran fi permit boleh dibuat dengan menggunakan wang pos, kiriman wang atau bank draf atas nama "**Pengawal Sewa Beli**". Bayaran melalui **cek/ tunai tidak diterima**.

6. **PENGELUARAN PERMIT**

- i. Permit akan **dicetak / dikeluarkan setelah menerima bayaran** daripada pemohon.